

25/05/2003

Ronggeng Rokiah: Dr Anuar terlalu rindukan Melayu

Akmal Abdullah

PERSOALAN dunia kabaret hanya teks untuk menggerakkan idea dan naratif bagi meninjau persoalan yang lebih besar menerusi subteksnya. Kenyataan politik, kisah Melayu bersama kaum lain terutama golongan penjajah, tauke

Cina dan rakan India di Tanah Melayu menjadi pemikiran yang menyentak sikap bangsa Melayu dalam mencari identiti di negara sendiri.

Wanita cantik dan menawan bernama Rokiah yang mahir menari terjebak dalam dunia kabaret hingga tersadung ke lembah pelacuran. Zahirnya tampak

seronok tetapi dalam diam naluri dan jiwanya memberontak. Symbolisme ini harus difahami dan dihayati dalam teater berkonsep noir ini. Di dalamnya sarat kritikan sosial zaman 50-an, khususnya ketika Melayu dijajah.

Teater ini dipentaskan di Panggung Sari, Istana Budaya, bermula 22 Mei hingga 31 Mei ini, bermula jam 8.30 malam. Latihan hampir dua bulan merealisasikan Ronggeng Rokiah dari suara hati pengkaryanya, Dr Anuar Nor

Arai yang bertindak sebagai pengarah dan penulis skrip.

Dr Anuar mengaku menangis ketika mengarah teaternya itu terutama pada babak watak Rokiah (lakonan Safura Yaacob) dan watak Masiton (lakonan Rashidah Jaafar) mengeluarkan dialognya yang begitu sayu dan menangkap isi

hatinya. Dr Anuar begitu cintakan Melayu dan diterjemahkan ke dalam Ronggeng Rokiah adalah persoalan berkisar pada akal Melayu ketika itu. Melayu cuba mencari tempat untuk dirinya tetapi tempat yang dituntut itu adalah hak orang lain. Jadi, apa yang mahu direbutnya? Apa yang ada pada tempat dan kehidupan sehingga setiap individu Melayu yang datang ke kabaret berasa kukuh seolah-olah tempat yang disinggahinya itu tidak berharga. Kemiskinan dan kemelaratan sosial begitu panjang dan inilah yang

cuba disampaikan dalam Ronggeng Rokiah.

Rokiah yang berasa tersisih mencipta hidupnya sendiri. Ego manusia Melayu adalah tempat seluruh hidup mereka menjadi sekadar persinggahan. Nafsu yang sukar dibendung dan ego yang sukar dikawal menyebabkan wujud kehidupan ad-hoc. Inilah elemen dalam teater ini yang menuntut kaedah lakon wataknya yang boleh responsif dengan alam dan persekitaran semasa dengan alam sudah berlalu.

Namun, bagi pengarahnya, Ronggeng Rokiah adalah pementasan agresif, sensuous dan seksual dengan mengangkat rentak muzik dan tarian tango kelas

bawahan, sesuai dengan latarnya di sebuah kabaret, ada kaitan gangsterisme dan Melayu yang menghadapi kemelut jatidiri dan harga diri.

Persembahan pratontonnya malam Selasa lalu memberi gambaran jelas Ronggeng Rokiah bukan sekadar ungkapan secebis isu sosial era penjajah, ketika Melayu ketinggalan dalam semua segi tetapi jauh lebih tragis ialah

ungkapan ketika Melayu hilang maruahnya tetapi masih berasakan dia adalah

pemilik segalanya. Kenyataan politik Ronggeng Rokiah nyata sentiasa relevan hingga kini. Falsafah ini menepati maksud sajak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berjudul Perjuangan Belum Selesai.

Gerak cerita bertolak pada wanita Melayu, Rokiah yang dapat disentuh, dipegang, dibelai dan dirasa. Dia wanita tidak berpelajaran dan mencari-cari sesuatu. Rokiah terseksa zahir dan batin. Emosinya tertekan dan tergelincir. Walaupun dia menyukai dan disukai banyak lelaki di kabaret dan ranjang tetapi Rokiah tidak memaut kepada sesiapa. Dalam kata lain, Rokiah masih wanita berani, kukuh tetapi mudah rebah dan terkulai kerana berasakan hidup yang tersolek dan dekoratif itu membazir untuk dirinya. Kehidupan seksualnya kabur dan ambiguous. Dia yang juga digelar Rokiah Ronggeng mencari-cari siapakah dirinya yang sebenar tetapi yang ditemuinya

hanya rasa bersalah. Maka, akhirnya untuk selamat, dia juga tewas dalam pelukan lelaki yang kukuh pengaruh dan ekonomi.

Ini jelas pada dialognya: "Kakak rindu pada orang, nak pegang betul-betul tapi kalau kakak sentuh tentu orang kata sentuh tangan pelacur... Kakak tak nak jadi pelacur, Usman." dan "Tak sampai hati Kiah nak rabitkan

seluruh tubuh Kiah fasal Kiah cantik dijadikan Tuhan. Tuhan bagi Kiah tubuh molek ini bukan untuk sia-sia... untuk dipandang aje mungkin, bukan

untuk pakaian semua orang."

Sebagai teater pertama di Istana Budaya yang dilabelkan dalam kategori 18SX, Dr Anuar tidak menyifatkan Ronggeng Rokiah berunsur lucu atau keterlaluan kerana ini adalah manifestasi sekali gus simbol suasana sosial

dan realiti masa kini yang ditanggap seniman yang perlu dihayati masyarakat.

"Banyak dialog dewasa dalam teater ini. Saya tidak fikir aksi dan gerak

lakonnya yang dianggap 18SX. Dialog yang diucapkan Masiton mungkin tidak sesuai dan kita letakkan teater ini 18SX. Lagipun teater Melayu, khalayaknya lebih kepada orang dewasa," kata Dr Anuar.

Selain Safura dan Rashidah, turut beraksi dalam Ronggeng Rokiah ialah Sharonizam Noor, Badrol Hisham Mohd Noh, Md Hussin Hassim, Sidek Hussin, Jalaluddin Hassan, Ennie Sulastri, Lim Moey Cheng, Shaari Safie, Yahaya A

Hamid dan Patrick Lim.

Salah satu dialog Masiton yang ada dalam skrip Ronggeng Rokiah ialah: "Kakak rasa dah cukup... kerja hari-hari tak pernah ada duit. Habis melecer tumit, kasi hibur laki-laki Singapura. Balik rumah lenguh seluruh

badan. Kadang-kadang tidur berdengkur sampai naik matahari... tak sedar. Letih betul. Tak sempat kemas rumah. Abang Zulfakar sudah rangkul pinggang

kakak, heret ke katil... mahu main, berapa kali satu hari..."

Ronggeng Rokiah juga pertama kali menjadi teater tempatan yang memperkenalkan teknik noir di pentas iaitu konsep filem yang khusus seperti pembikinan filem genre thriller bercorak gangsterisme ala Amerika. Ia adalah gaya visual yang dipindahkan ke pentas membabitkan aspek set, tatacahaya dan gerak lakon. Simbolisme di sinilah yang menyerlah imej noir

dalam Ronggeng Rokiah dengan kawalan cahaya begitu tertib dan teliti

untuk memaparkan imejan dan perlambangan bagi latar set yang sebenarnya besar dan penuh dengan bahaya dan gundah. Ia menunjukkan keaburan nilai moral dan intelektual manusianya dalam mencari kebenaran yang sukar dikesan. Watak dalam gelap bersama gerak lakon yang berdampingan semangat latar dan sekitarnya.

Muzik dan tarian tango menjadikan Ronggeng Rokiah segar dan sayu sesuai dengan dramatikanya yang mengangkat kisah primadona luka dan mengasing. Nyata, watak Melayu yang telus golongan bawahan serta tidak cukup pelajaran dan didikan pada zamannya menjadi halus dan penuh simpati bagi Dr Anuar. Menerusi gaya arahnya, beliau bagai meletakkan perasaannya ke dalam milieu zaman itu (juga zaman kini) yang hampa, tercicir, sebu kerana mungkin muzik boleh melahirkan keyakinan dan optimis biarpun cuma sementara.

Meneliti latar belakang Dr Anuar dengan teater, ia bukan orang luar sebelum ini meskipun sudah lama dikenali sebagai pengkaji dan tokoh filem.

Anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan ini sudah menghasilkan 72 skrip dalam pelbagai aliran dan medium filem cereka, TV dan teater. Tok Selampit adalah karyanya dipilih mewakili Malaysia ke Festival Teater Asean 1 di Manila pada 1986, selain teater Vakum, Si Pemacak dan Benteng 36.

Dr Anuar yang berkelulusan PhD dalam jurusan filem dan drama dari University of Southern California banyak mengkaji teater klasik dan moden selain drama Greek, Itali, Rom, Sepanyol, Perancis dan Sweden. Beliau terpaut dengan aliran klasik tragedi dan komedi, realisme, ekspresionisme, naturalisme, simbolisme dan impresionisme termasuklah teater epik, opera Jerman, teater absurd dan pernah menemui tokoh teater Eugene Ionesco dan Frederich Durrenmatt.

Maka tidak hairanlah dalam Ronggeng Rokiah tersemat pemikiran dan ilmu yang cukup tinggi, bukan sebarang penonton boleh menjejaki falsafah yang cuba diantarnya menerusi teater itu. Namun, teks dan naratif Ronggeng Rokiah yang boleh difahami pada permukaan cerita menerusi dunia kabaret, penari, pelanggan, pelacur, samseng dan isu sosialnya boleh dianggap sudah cukup bagi khalayak yang tidak mampu meneroka lebih dalam subteksnya.

Zaman dalam Ronggeng Rokiah ialah ketika Dr Anuar berusia sekitar 10 tahun. Tetapi sebagai pengkarya, Dr Anuar mampu memancing waktu dan zaman itu menerusi daya kreatifnya dan kerja akalnya. Yang dikongsi dalam watak adalah kerunsingan dan kekecewaan sezaman. Meskipun ada kaitan politik dan bangsa tetapi sepanjang persembahan Ronggeng Rokiah, tidak ada dialog politik. Apapun politik menjadi nadi pada idea ceritanya meskipun orang kecil seperti Rokiah, Masiton, Ajis, Johan, Usman Players, Sidek Bopeng, Tengku Hussin, Timah, Raman Bedok, Johnny dan Jimmy Lee tidak ada nilai

politik dalam kehidupan mereka.

Dr Anuar menangis ketika sesi latihan Ronggeng Rokiah kerana sangat rindukan Melayu. Katanya: "Saya tersangat rindu pada Melayu. Melayu tidak sedar. Jika saya ke Singapura, saya pasti menangis. Yang terlepas ke tangan orang tidak akan ditemui lagi. Yang tinggal hanya mimpi dan igauan masa lalu. Ini amat menyeksakan".